

Kaedah bantu rawat warga Palestin diubah elak kos bebankan negara

Warga cedera boleh dihantar ke negara Arab dengan sedikit sumbangan dari Malaysia

Daripada
Sariha Mohd Ali
sariha@bh.com.my



di Kaherah,
Mesir

Malaysia akan terus memberikan bantuan kepada rakyat Palestin yang cedera dalam serangan rejim Zionis Israel, bagi membolehkan mereka menerima rawatan, tetapi mekanismenya akan diubah supaya lebih efektif dengan kos tidak membebankan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata antara lain rakyat Palestin yang cedera itu mungkin boleh dirawat di hospital berdekatan di negara Arab seperti Mesir, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain dan Turkiye dengan sedikit sumbangan dari Malaysia.

Beliau berkata, perkara itu masih dalam perbincangan Kementerian Pertahanan, selain menilai keupayaan hospital di negara Arab itu menerima pesakit dari Palestin.

“Bantuan rawatan kepada rakyat Palestin yang cedera akibat serangan rejim Zionis akan diteruskan, tetapi kita akan meneliti semula mekanisme penyalaran bantuan itu supaya lebih berkesan.

“Jika ada keupayaan hospital di negara Arab seperti Mesir, Qatar, UAE, Bahrain dan Turkiye, lebih baik kita salurkan (rakyat Palestin yang cedera) ke sana dengan sedikit bantuan kita.

“Saya fikir dari segi pengurusan ia lebih baik, jadi hal ini



Anwar bersama Mohamad dan Tengku Zafrul pada sidang media pada akhir lawatan rasmi empat hari ke Mesir, semalam.

(Foto BERNAMA)

sedang dibincangkan dengan Kementerian Pertahanan.

“Ini bermakna bantuan tetap diteruskan tetapi mekanismenya mungkin berubah supaya lebih efisien dan tidak terlalu tinggi kosnya,” katanya kepada media Malaysia pada akhir lawatan rasminya selama empat hari ke Mesir, semalam.

Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan

dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Sistem di Gaza lumpuh

Pada 4 Ogos lalu, Perdana Menteri mengumumkan bahawa kerajaan akan memudahkan rawatan untuk rakyat Palestin yang cedera, khususnya wanita dan kanak-kanak, dengan membawa mereka ke Malaysia.

Misi kemanusiaan ini dilaksanakan berikutan kumpulan

sistem penjagaan kesihatan di Gaza akibat serangan berterusan tentera Israel.

Sejak 16 Ogos lalu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah membawa 41 rakyat Palestin yang cedera bersama 86 ahli keluarga mereka ke Malaysia dan dirawat di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan.

Anwar berkata, apa saja keputusan diambil bagi membantu rakyat Palestin itu, Kerajaan Mesir sedia memberi laluan dan bantuan untuk membawa penduduk yang cedera bagi mendapatkan rawatan diperlukan.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, tempias keganasan Israel turut diterima rakyat Malaysia apabila enam anggota Pasukan Batalion Malaysia (MAL-BATT) yang menyertai misi Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) di Lubnan tercedera.

Beliau berkata, sikap Israel melanggar segala ketetapan dunia dan melakukan pelbagai kezaliman melampaui batas kemanusiaan sejagat.